

## **BAB 4**

### **DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN LANGKAWI**

#### **4.1 LATAR BELAKANG LANGKAWI**

Kedudukan Langkawi berada di utara semenanjung Malaysia adalah merupakan sebuah kepulauan yang mempunyai 104 buah pulau dengan keluasan seluas 48,236.91 hektar. Ia terletak di antara garis lintang 6°10'U-6° 30'U dan garis bujur 99° 35'T. Jaraknya dari Kuala Kedah ialah sejauh 51.5km dan dari Kuala Perlis pula sejauh 30km. Pulau tersebut terdiri daripada 6 mukim iaitu Kuah, Padang Matsirat, Kedawang, Bohor, Air Hangat, dan Ulu Melaka manakala Bandar Kuah merupakan pusat bandar dan pentadbiran bagi Pulau Langkawi.<sup>1</sup> Pulau Langkawi merupakan salah sebuah daerah di dalam negeri Kedah. Negeri Kedah yang terletak di utara semenanjung Malaysia bersempadan dengan Negara Thailand mempunyai keluasan kira-kira 9,425 kilometer persegi. Alor Star merupakan ibu negeri Kedah dan Anak Bukit merupakan Bandar Diraja. Kedah mempunyai 15 kawasan Parlimen, 36 buah Dewan Undangan Negeri dan 12 buah daerah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Yan, Padang Terap, Baling, Sik, Kulim, Bandar Baharu, Pokok Sena, Kuala Muda dan termasuklah Langkawi.<sup>2</sup>

Kawasan penempatan utama Langkawi adalah di kawasan Kuah, Padang Matsirat dan Padang Lalang yang terletak di pulau besar iaitu Pulau Langkawi yang menjadi tumpuan pembangunan. Pulau-pulau lain yang turut di diami iaitu Pulau Dayang Bunting dan

---

<sup>1</sup>Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (2009), *Draf Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2020*, h 4.

<sup>2</sup>Malaysia 2009, *Buku Rasmi Tahunan*, Kuala Lumpur, Jabatan Penerangan Malaysia, 2009, h 50.

Pulau Tuba manakala pulau-pulau kecil yang lain hanya dibangunkan untuk tujuan pelancongan sahaja.<sup>3</sup>

Puncak tertinggi di Langkawi ialah Gunung Raya dengan ketinggian 881 Meter diikuti dengan Gunung Matchincang 708 Meter. Sistem saliran semulajadi terdiri daripada tujuh batang sungai iaitu Sungai Kuah, Sungai Menghulu, Sungai Kisap, Sungai Melaka, Sungai Air Hangat, Sungai Tok Puteri dan sungai Kubang Badak.<sup>4</sup>

#### **4.1.1 Sejarah Langkawi**

Pulau Langkawi dahulunya dikenali sebagai nama Langga, Langu, Langura, Langapura dan Pulau Lada. Pulau ini juga digelar Pulau Lagenda kerana dikaitkan kisah-kisah mitos dan misteri seperti kisah Mat Raya dan Mat Chincang serta Mat Sawar yang mempunyai kesaktian masing-masing berkelahi kemudiannya disumpah menjadi Gunung dan bukit seperti yang terdapat pada hari ini. Pulau ini juga pernah menjadi gelanggang pertarungan antara Garuda dan Jentayu mengikut kisah yang dikaitkan dengan permulaan Negeri Kedah mendapat raja yang bergelar Merong Mahawangsa.<sup>5</sup>

Mengikut catatan Augustin De Beaulieu seorang pelayar dari Perancis, pada 7 Ogos 1621 semasa dalam persediaan untuk menubuhkan French East India Company beliau telah singgah di Pulau Langkawi. Menurut beliau pada ketika itu penduduk Langkawi

---

<sup>3</sup>Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, *op.cit.*, h 4.

<sup>4</sup>*Ibid.*, h 4.

<sup>5</sup>Ismail Hanapiah (1990), *Jentayu : Langkawi Sepintas Lalu*, Cetakan Kedua, Langkawi, Pancang Perak Enterprise, h 2.

adalah seramai lebih kurang 100 orang sahaja. Di tengah terdapat sebuah gunung yang tinggi diapit oleh tanah pamah yang tidak berapa luas dan di kaki gunung tersebut ditanam lada dengan banyaknya.<sup>6</sup> Pulau Langkawi pada ketika itu juga dikenali sebagai Pulau Lada kerana penduduknya mengerjakan tanaman lada dan menjadi pengeksport lada terbesar dirantau tersebut. Menurut beliau lagi, tiga tahun sebelum kedatangannya, Kedah telah diserang oleh armada Aceh pimpinan Sultan Iskandar Muda dan ladang lada di Langkawi habis musnah. Serangan adalah bertujuan untuk menamatkan saingan Kedah sebagai pengeksport lada di rantau tersebut.<sup>7</sup>

Pada awalnya Langkawi merupakan sebuah pulau yang terbiar, penduduknya bekerja sebagai petani menanam padi bukit, menjadi nelayan dan juga menanam lada di lereng-lereng bukit. Penduduk Langkawi pada asalnya terdiri daripada 3 keturunan iaitu keturunan Malayu dari tanah besar semenanjung, keturunan Indonesia dari Pulau Sumatera dan keturunan Siam dari tanah persisiran pantai Thailand. Hal ini dapat di buktikan dengan budaya dan dialek percakapan penduduk di kawasan utara Langkawi iaitu kampung Ewa dan Air Hangat menggunakan bahasa Siam dalam bertutur sesama mereka. Manakala penduduk lama di kampung Kisap, Padang Lalang dan Kuah pula bertutur dalam bahasa Aceh serta kuat berpegang dengan adat istiadat mereka.<sup>8</sup>

Pada tahun 1821, tercetusnya perang antara Kedah dan Siam (Thailand), bagi mempertahankan Kedah. Sultan Ahmad Taj al-Din Halim Shah II, Sultan kedah ke-22

---

<sup>6</sup>*Ibid.*, h 3.

<sup>7</sup>Mohamed Mustafa Ishak *et al.* (2004), *Kedah Dalam Lipatan Sejarah : Koleksi Artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof*, cetakan pertama, Sintok Kedah, Universiti Utara Malaysia, h 5-7.

<sup>8</sup>Ismail hanapiah (1995), *Sumpah Berlalu Tuah Meluru : Sekilas langkawi Selepas Mahsuri Di Bunuh*, Cetakan Pertama, Langkawi, Pancang Perak Enterprise, h 4.

(1804-1845) telah menyeru pahlawan-pahlawan melayu seluruh Kedah bagi mempertahankan Kota Kuala Kedah daripada serangan Siam yang berkerjasama dengan British. Pendekar-pendekar dari Langkawi di bawah pimpinan Dato' Seri Kerma Jaya dari Langkawi turut membantu Sultan mempertahankan Kedah.<sup>9</sup>

Langkawi juga terkenal dengan kisah Mahsuri seorang perempuan suci yang cantik mati di hukum bunuh oleh Dato' Seri Kerma Jaya. Mahsuri difitnah melakukan perkara mungkar dengan seorang penglipur lara ketika ketiadaan suaminya Wan Darus kerana pergi berperang melawan angkatan Siam yang menyerang Kedah. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, beliau bersumpah Pulau Langkawi tidak akan aman menjadi padang jarak padang terkukur.<sup>10</sup> Setelah tamat peperangan dengan Siam, Wan Darus yang juga merupakan adik kepada Dato' Seri Kerma Jaya pulang ke Langkawi kemudian melarikan diri ke Pulau Phuket Thailand bersama anaknya yang masih kecil kerana kecewa atas tindakan abangnya yang membunuh Mahsuri. Menurut catatan sejarah, keturunan Mahsuri telah berkembang biak di sana sehingga ke hari ini.<sup>11</sup> Bertitik tolak dari peristiwa sumpahan tersebut, Langkawi sering ditimpa musibah seperti diserang oleh tentera Siam dan ketinggalan daripada pembangunan arus perdana sehinggalah tahun 80-an apabila dikatakan berakhirnya sumpah Mahsuri tersebut. Wan Aishah Wan Nawawi dikatakan pewaris ketujuh keturunan Mahsuri telah kembali ke Langkawi bagi mengadakan majlis perkahwinannya bersama suaminya Alee Tongyon.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup>Ismail Hanapiah (1990), *op.cit.*, h 5.

<sup>10</sup>*Ibid.*, h 34.

<sup>11</sup>*Ibid.*, h 16.

<sup>12</sup>Berita harian, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KeturunanketujuhMahsuridirai/Article> akses pada 4 Ogos 2011.

Pulau Langkawi juga dikenali sebagai pulau lagenda kerana di kaitkan dengan pelbagai peristiwa ganjil pada masa dahulu seperti lagenda Garuda menyerang armada China dan menyembunyikan puterinya di Langkawi, lagenda pergaduhan Mat Raya dan Mat Chincang, lagenda Tasik Dayang Bunting dan lain-lain lagi.<sup>13</sup>

#### **4.1.2 Latar Belakang Sosio-Ekonomi Langkawi**

Ekonomi penduduk Langkawi pada asalnya merupakan ekonomi sara diri. Penduduknya bekerja sebagai petani dan juga nelayan.<sup>14</sup> Sekitar kurun ke-17, Langkawi terkenal dengan tanaman lada. Namun, faktor peperangan dan konflik Kedah-Siam serta ancaman Aceh ke atas Langkawi bagi menamatkan saingan pengesport lada telah memusnahkan industri tersebut.<sup>15</sup> Pada tahun 1930an-40an, penduduk Langkawi berjumlah didalam lingkungan 5,400 orang. Sebanyak 200 orang merupakan penduduk berbangsa Cina dan sebilangan kecil keturunan India yang bekerja di ladang getah.<sup>16</sup> Semasa lawatan Raja Thailand Raja Chulalongkorn ke Langkawi pada akhir kurun ke-19, beliau mengesahkan pulau tersebut mempunyai daya penarik dari segi pelancongan.<sup>17</sup> Walaubagaimanapun, selepas Negara mencapai kemerdekaan, industri pelancongan di Langkawi berkembang agak perlahan. Hal ini disebabkan faktor jalan perhubungan yang jauh antara tanah besar dan Pulau Langkawi dengan hanya menaiki

---

<sup>13</sup>Ismail Hanapiah (1990), *op.cit.*, h 2-46.

<sup>14</sup>Sanusi Junid (1994), *Langkawi History & Development Progress*, Kuala Lumpur, Ensimal (M) Sdn Bhd, h 4.

<sup>15</sup>*Ibid.*, h 43.

<sup>16</sup>Ismail Hanapiah (1995), *op.cit.*, h 4.

<sup>17</sup>Sanusi Junid (1994), *op.cit.*, h 59.

bot yang mengambil masa begitu lama iaitu 4-5 jam.<sup>18</sup> Namun begitu, keindahan semulajadi pulau tersebut telah menarik ramai para pelancong dari luar berkunjung ke Langkawi. Industri pelancongan dilihat telah mula berkembang selepas tahun 1970. Manakala penduduk Langkawi pula mula menceburi sektor pelancongan tersebut secara kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan. Pengisytiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai pada penghujung 1980an telah merancakkan lagi industri berkenaan di pulau tersebut.

#### 4.1.3 Jumlah Penduduk

**Jadual 4.1 : Jumlah Penduduk Daerah Langkawi Pada Tahun 2009 Dan 2010 Mengikut Jantina Dan Pecahan Mukim.**

Bil	Mukim	Lelaki		Perempuan		Jumlah keseluruhan	
		2009	2010	2009	2010	2009	2010
1	Bohor	4,140	4,287	3,884	4,013	8,024	8,300
2	Kedawang	5,979	6,144	5,713	5,878	11,692	12,022
3	Kuah	19,884	20,562	18,950	19,601	38,843	40,163
4	Padang Matsirat	5,908	6,052	7,040	7,277	12,948	13,329
5	Ayer Hangat	6,433	6,583	5,937	6,071	12,370	12,654
6	Ulu Melaka	8,222	8,559	7,751	8,048	15,973	16,607
	<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>50,566</b>	<b>52,187</b>	<b>49,275</b>	<b>50,888</b>	<b>99,841</b>	<b>103,075</b>

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

<sup>18</sup>Ismail Hanapiah (1995), *op.cit.*, h 8.

Jadual 4.1 diatas menunjukkan peningkatan bilangan penduduk daerah Langkawi dari tahun 2009 sehingga tahun 2010 mengikut pecahan jantina dan mukim. Pada tahun 2009 jumlah keseluruhan penduduk Langkawi sebanyak 99,841 meningkat kepada 103,075 orang pada tahun 2010. Mengikut pecahan jantina, pada tahun 2009 jumlah penduduk lelaki adalah seramai 50,566 orang meningkat kepada 52,187 pada tahun 2010. Manakala jumlah penduduk perempuan pada tahun 2009 adalah seramai 49,275 meningkat menjadi 50,888 orang pada tahun 2010.<sup>19</sup> Penduduk lelaki lebih ramai daripada perempuan merupakan suatu yang positif dalam penyediaan buruh untuk pembangunan ekonomi setempat. Mukim Kuah mempunyai penduduk paling ramai iaitu sebanyak 40,163 orang. Hal ini disebabkan oleh kawasan kuah tersebut merupakan pusat Bandar dan pentadbiran serta pusat kegiatan ekonomi penduduk Langkawi.<sup>20</sup>

**Jadual 4.2 : Jumlah Penduduk Langkawi Mengikut Pecahan Kaum Tahun 2010**

Jantina	Jumlah keseluruhan Penduduk Langkawi	Warganegara Malaysia				Bukan warganegara Malaysia
		Melayu/Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
	<b>103,075</b>	<b>88,765</b>	<b>4,191</b>	<b>1,314</b>	<b>721</b>	<b>8,084</b>
Lelaki	52,187	45241	2,320	698	339	3,589
Perempuan	50,888	43,524	1,871	616	382	4,495

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

<sup>19</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, Penduduk mengikut jantina dan Mukim Kedah 2010.

<sup>20</sup> Pejabat Daerah Langkawi, <http://webjabatan.kedah.gov.my/pdl.php>, akses pada 25 Ogos 2012.

Jadual 4.2 diatas pula merupakan jumlah penduduk Langkawi pada tahun 2010 mengikut pecahan kaum. Kaum Melayu dan bumiputera merupakan penduduk dominan di pusat peranginan tersebut mewakili sebanyak 84.6% daripada jumlah keseluruhan penduduk Langkawi. Manakala kaum Cina mewakili sebanyak 4.9%, kaum India sebanyak 1.8% dan lain-lain sebanyak 0.8%. Warga asing yang menetap di pulau tersebut pula mewakili sebanyak 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk Langkawi.<sup>21</sup> Pembangunan pelancongan dan ekonomi yang dijalankan di Langkawi perlu mengambil kira penduduk bumiputera yang merupakan kaum dominan di pulau tersebut.

#### **4.2 AGENSI PELAKSANA DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN LANGKAWI**

Pembangunan pelancongan Langkawi dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan yang mempunyai peranan masing-masing. Walaubagaimanapun, terdapat dua agensi yang memainkan peranan penting dalam membangunkan pulau peranginan tersebut iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Dasar dan strategi pembangunan yang dijalankan di Langkawi diputuskan diperingkat Parlimen dan diluluskan oleh kerajaan Persekutuan.<sup>22</sup> Selain itu, kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Exco juga berperanan memutuskan

---

<sup>21</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, Penduduk Langkawi mengikut pecahan kaum 2010.

<sup>22</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, Ahli Parlimen Langkawi pada Oktober 2011 Jam 3.45pm di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.



dasar dan plan tindakan bagi pembangunan pelancongan di Pulau berkenaan.<sup>23</sup> Seterusnya, kedua-dua agensi tersebut iaitu LADA dan MPLBP merupakan pelaksana kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan.<sup>24</sup>

#### **4.2.1 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)**

Perancangan dan pembangunan Pulau Langkawi telah di pertanggungjawabkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). LADA merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1990 melalui Akta Parlimen, Akta 423. Di bawah akta tersebut, LADA diberi kuasa untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan.<sup>25</sup>

##### **4.2.1.1 Fungsi Lembaga Pembangunan Langkawi<sup>26</sup>**

1. Menggalak, mengiat, mempercepatkan dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi di kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi.
2. Menggalak dan memajukan kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan bebas cukai.

---

<sup>23</sup>Temubual Bersama En Zubir Bin Ahmad, Pegawai Khas Kerajaan Negeri Kedah, pada 12 September 2011, jam 9.00pm di Pejabat Pegawai Khas Kerajaan Negeri Langkawi.

<sup>24</sup>Temubual bersama Yang berbahagia Tuan Harun Bin Yasin, Pegawai Daerah Langkawi, pada 5 September 2011, jam 1.15pm di Pejabat Daerah Langkawi.

<sup>25</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 7.

<sup>26</sup>*Ibid.*, h 7.

3. Menggalak, mengiat dan melaksanakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta tempat kediaman, pertanian, perindustrian dan perdagangan di kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi.
4. Menyelaras prestasi aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Selain itu, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) juga merupakan sebuah lagi agensi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan Langkawi. MPLBP dan juga LADA sentiasa bekerjasama dalam membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkenal dan ekonomi serta taraf hidup masyarakat Langkawi.

#### **4.2.2 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP)**

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dinaiktaraf dari Majlis Daerah Langkawi pada 6 Disember 2000 melalui warta kerajaan negeri. Kawasan pentadbiran MPLBP meliputi kawasan seluas 478.48 km persegi. Secara umumnya, bidang tugas MPLBP meliputi perancangan fizikal, ekonomi serta sosial ke arah kemantapan pembangunan Bandar di Langkawi dan memberi perkhidmatan perbandaran yang efisien serta bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan bandar.<sup>27</sup>

---

<sup>27</sup> Sumber : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

#### **4.2.2.1 Fungsi Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.**

MPLBP menjalankan tugas dan fungsinya mengikut Akta Kerajaan tempatan 1976 (Akta 171) dengan melaksanakan aktiviti dan penguatkuasaan dasar dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa Tempatan. Antara fungsi MPLBP ialah seperti berikut :<sup>28</sup>

1. Merancang dan mengawal pembangunan berdasarkan pelan Rancangan Tempatan Daerah Langkawi.
2. Menyelaras dan membantu pembangunan Langkawi.
3. Mengawal pembangunan, pengiklanan dan papan tanda.
4. Menyelia dan penyelenggara pengindahan Bandar dan landskap yang menarik.
5. Membina dan menyelenggara sistem infrastruktur.
6. Menyelia dan menyelenggara kemudahan awam seperti pasar, gerai, dewan, kompleks sukan, taman permainan kanak-kanak, perhentian bas, kemudahan rekreasi, lipur diri, istirehat dan lain-lain.
7. Mengurus pelupusan sisa pepejal dan pembersihan Bandar.
8. Memberi perkhidmatan kesihatan, kawalan makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
9. Meningkatkan kemudahan asas, menaiktarafkan kampung dan menggalakkan kegiatan yang berdaya maju.

---

<sup>28</sup>*Ibid.*

## **4.3 DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN SERTA PELAKSANAANNYA DI LANGKAWI**

### **4.3.1 Pendahuluan**

Bermula dengan pengisytiharan Pulau Bebas Cukai pada 1987, Langkawi telah menerima pelbagai bentuk pembangunan ekonomi dengan pesat. Hal ini kerana Langkawi pada ketika itu masih ketinggalan dari sudut pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang baik serta kemudahan penginapan bertaraf bintang. Pada Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995), Langkawi telah mendapat peruntukan dana khas sebanyak RM521.5 juta daripada kerajaan pusat. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang ditubuhkan pada tahun 1990 bertujuan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur asas, mempertingkatkan pembangunan kemudahan pelancong, penginapan, dan menggalakkan pembangunan kemudahan perniagaan dan perdagangan.<sup>29</sup>

Ratusan jutaan Ringgit tersebut telah dilaburkan oleh pihak kerajaan dan swasta bagi meningkatkan dan mempercepatkan perkembangan sektor pelancongan di pulau berkenaan.<sup>30</sup> Manakala penduduk tempatan pula melibatkan diri dalam sektor pelancongan dengan membina chalet-chalet kecil di sekitar pantai Cenang dan pantai

---

<sup>29</sup> Anwar Abd.Rahman & Nik Husni Nik Rashid (2005), Perancangan Pembangunan Ekonomi Dan Pelancongan Untuk Kawasan Sekitar Kilim, Langkawi, dalam *Lembangan Kilim*, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan LESTARI, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 3-11.

<sup>30</sup> Mustaffa Omar & Ishak Yussof (2005), Kedinamikan Penduduk dan Pembangunan Ekonomi Di Lembangan Kilim : Cabarannya Terhadap Kelestarian Alam Sekitar, dalam *Lembangan Kilim*, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan LESTARI, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 33-51.

Kok untuk kemudahan penginapan kepada pelancong.<sup>31</sup> Pada peringkat awalnya, daya tarikan ke Langkawi hanyalah keindahan alam semulajadinya seperti pantai yang memutih, kedamaian air terjun serta bentuk mukabuminya yang unik. Ia menjadi pilihan para pelancong datang bercuti bagi menenangkan fikiran dan mencari kedamaian.<sup>32</sup>

Menyedari potensi pulau berkenaan dalam sektor pelancongan, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad pada ketika itu sekitar penghujung tahun 80-an telah melaksanakan beberapa strategi awal di Langkawi iaitu dengan meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur di Langkawi seperti kemudahan pelabuhan dan jeti, kemudahan bekalan air dan elektrik sumber daripada tanah besar semenanjung, serta jaringan jalanraya yang baik. Seterusnya, kerajaan telah menjemput para pelabur untuk datang melabur di Langkawi dan bidang pelancongan seperti membina hotel-hotel bertaraf bintang dan membangunkan produk-produk pelancongan.<sup>33</sup> Sehingga tahun 1990, lebih RM 300 juta telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan pusat dalam usaha untuk memastikan kepesatan pembangunan infrastruktur di Langkawi.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Temubual bersama En Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak, Ketua Bahagian Pelancongan, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, pada 12 Oktober 2011, Jam 2.30pm di Bangunan MPLBP, Langkawi.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Encik Mohd Rawi Bin Abd Hamid, Adun Ayer Hangat pada 12 September 2011 Jam 4.25pm di Pejabat Adun Ayer hangat Langkawi.

<sup>34</sup> Hassan Naziri Khalid et al (2000), "Sosio Ekonomi Penduduk Langkawi Selepas Menjadi Pelabuhan Bebas Cukai", Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kedah 100 tahun, Universiti Utara Malaysia, 21-22 Ogos 2000, h 1-19.

Pada masa yang sama kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai dasar bagi tujuan pembangunan pelancongan di Langkawi. Setiap dasar yang dilancarkan mempunyai pelbagai strategi khusus bagi membantu pencapaian matlamat dasar tersebut. Dasar-dasar dan strategi tersebut dapat dilihat berdasarkan ringkasan dalam jadual 4.3 berikut.

**Jadual 4.3 : Senarai Dasar dan Strategi Pembangunan Pelancongan Langkawi**

Bil	Tahun	Dasar	Strategi
1	1987	Dasar Bebas Cukai	-Pengecualian cukai terhadap barangan yang dibawa masuk ke Langkawi
2	1989	Deklarasi Langkawi	-Pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar
3	1990	Pembangunan infrastruktur	-Membangunkan kemudahan asas dan infrastruktur yang lengkap untuk menjadikan Langkawi sebagai sebuah destinasi bertaraf antarabangsa
4	1993	Dasar sukan dan acara	-Penganjuran acara, sukan dan pertandingan bertaraf antarabangsa di Langkawi -Penganjuran LIMA 1993.
5	1996	Dasar eko-pelancongan	-Penyelidikan terhadap potensi pembangunan pelancongan berasaskan alam semulajadi. -Pemuliharaan sumber alam semulajadi.
6	2002	Dasar Malaysia Rumah Keduaku	-Pas Lawatan Sosial ( <i>multiple-entry social visit pass</i> ). -Insentif pengurangan cukai kenderaan.
7	2007	Kesinambungan Dasar	-Pengisytiharan dan penjenamaan ikonik

		Eko-pelancongan	baru Langkawi Geopark. -Pembukaan dan penjenamaan produk eko-pelancongan baru.
8	2011	Dasar Pembangunan Pelancongan Langkawi	baru -Tema Produk -Tema Infrastruktur -Tema Pembolehdaya

Sumber 1: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

Sumber 2: Majlis Perbandaran Langkawi bandaraya Pelancongan (MPLBP)

Jadual 4.3 diatas menunjukkan dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang telah dijalankan di Langkawi bermula dari tahun 1987 iaitu pengisytiharan dasar bebas cukai sehingga tahun 2011 iaitu dasar pembangunan pelancongan baru Langkawi. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan dasar dan strategi yang utama sahaja.

#### 4.3.2 Dasar Dan Strategi Bebas Cukai

Langkawi telah diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1 Januari 1987 melalui akta kewangan (no.2) 1986. Dasar bebas cukai telah dilaksanakan di pulau peranginan tersebut dengan strategi kerajaan mengurangkan cukai terhadap barangan yang dibawa masuk ke Langkawi. Semua barang yang terdapat di pulau bebas cukai adalah mendapat pelepasan cukai kecuali petroleum dan barangan keluaran petroleum. Namun begitu, barangan yang tersenarai di bawah Perintah Duti Kastam (Langkawi) 1986 iaitu simen, marmar, getah, dan ikan bilis yang dibawa masuk ke Langkawi dari luar Malaysia adalah dikenakan duti/cukai mengikut kadar yang telah ditetapkan.<sup>35</sup>

<sup>35</sup> Jabatan Kastam Diraja Malaysia, <http://www.customs.gov.my/index.php/bm/prosedur-a-garis-panduan/kastam/864-panduan-prosedur-perkastaman-pulau-bebas-cukai-pbc> akses pada 7 Ogos 2012.

Pelaksanaan dasar bebas cukai ini membolehkan pelancong tempatan atau luar negara yang datang atau pulang dari Langkawi setelah berada di pulau bebas cukai tersebut tidak kurang dari 48jam layak untuk menikmati pelepasan cukai di bawah Butiran 19 Perintah Duti Kastam 1988. Sekiranya pelawat membawa keluar barangan yang tersenarai didalam Butiran 19 melebihi had yang dibenarkan, maka ia akan dikenakan cukai dengan kadar 30% ke atas nilai barangan tersebut kecuali bagi bir atau minuman keras, rokok atau tembakau, tayar dan tiub dimana kadar duti/cukai adalah mengikut kadar yang ditetapkan di bawah Perintah Duti Kastam.<sup>36</sup>

**Jadual 4.4 : Butiran 19 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 berkaitan barangan dikecualikan daripada bayaran duti / cukai.**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Barangan</b>	<b>syarat-syarat</b>
1	Bir / Wine / Minuman Keras	tidak melebihi 1 liter.
2	Tembakau	tidak melebihi 225 gram atau rokok tidak melebihi 200 batang.
3	Pakaian baru	tidak melebihi 3 pasang.
4	kasut baru.	Sepasang
5	Bahan penyediaan makanan	tidak melebihi nilai RM75.00.
6	Perkakasan elektrik atau bateri mudah alih untuk penjagaan diri dan kebersihan	tidak melebihi 1 unit setiap satu.
7	Hadiah dan cenderahati*	jumlah nilai tidak melebihi RM400.00.

<sup>36</sup> *Ibid.*



- 8 Hadiah dan cenderahati dari Pulau tidak melebihi RM500.00. Langkawi, Pulau Tioman atau Pulau Labuan.
- 

Sumber : Jabatan Kastam Diraja Malaysia<sup>37</sup>

nota: \* tidak termasuk minuman keras, tayar, tiub, tembakau, rokok dan kenderaan

Strategi kerajaan dengan melaksanakan pelepasan cukai tersebut menyebabkan beberapa barangan yang diimport dari luar negara menjadi lebih murah seperti kenderaan atau kereta, barangan keperluan dapur, coklat, rokok dan juga arak apabila dijual di Langkawi. Ia telah menjadikan Langkawi sebagai syurga bagi para pelancong untuk membeli belah barangan import yang tidak dikenakan cukai tersebut.<sup>38</sup> Ia bertujuan untuk memperkenalkan Langkawi sebagai pusat peranginan di peringkat antarabangsa disamping menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke pulau tersebut. Ia sekaligus turut membantu merancakkan lagi perkembangan industri pelancongan, perhotelan dan perniagaan di pulau tersebut.<sup>39</sup>

Pelaksanaan Dasar Bebas Cukai ini juga telah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi Langkawi. Kerajaan Persekutuan telah mula memberi perhatian terhadap pulau berkenaan dengan menyediakan peruntukan pembangunan yang tinggi iaitu sebanyak RM545.9 juta pada RMK-6 (1991-1995), dan RM496.20 juta pada RMK-

---

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Temubual bersama En Zubir Bin Ahmad, *op.cit.*

<sup>39</sup> Hassan Naziri Khalid et al (2000), *op.cit.*, h 1-19.

7 (1996-2000).<sup>40</sup> Kesan daripada dasar dan strategi tersebut, Langkawi telah menjadi sebuah pusat peranginan yang pesat membangun dan juga syurga membeli belah bagi barangan yang diimport dari luar negara. Ia turut membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan seperti terlibat dalam aktiviti perniagaan dan pelancongan serta kebergantungan ekonomi terhadap sektor perikanan dan nelayan dapat dikurangkan.<sup>41</sup>

Namun, terdapat juga barangan yang diharamkan seperti rokok dan arak turut dijual dengan harga yang murah dan secara berlulusa. Sebanyak 2 juta liter arak setahun telah diimport masuk ke Langkawi. Walaubagaimanapun, hanya 1 juta liter sahaja yang dijual dan digunakan oleh hotel dan para pelancong. Selebihnya arak tersebut telah diseludup keluar dari Langkawi ke tanah besar semenanjung dan juga negara Thailand oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk dijual dengan harga yang lebih mahal.<sup>42</sup>

### **4.3.3 Dasar dan Strategi Eko-Pelancongan**

Dasar eko-pelancongan dilaksanakan di Langkawi bagi membolehkan para pelancong yang berkunjung dapat menghayati keindahan alam semulajadi pulau tersebut. Beberapa strategi diambil kerajaan dalam melaksanakan dasar tersebut seperti penyelidikan terhadap potensi pembangunan pelancongan berasaskan alam semulajadi, pemuliharaan sumber alam semulajadi, pengisytiharan dan penjenamaan ikonik baru Langkawi

---

<sup>40</sup>Abdul Halil bin Abd Mutalib (2000), "Peranan LADA Dalam Pembangunan Fizikal Langkawi", (Kertas Kerja Pembentangan Seminar Pembangunan Langkawi Di Alaf Baru, City Baview Hotel, 8 Jun 2000) h 1-23.

<sup>41</sup>Hassan Naziri Khalid et al (2000), *op.cit.*, h 1-19.

<sup>42</sup>Temubual bersama Yang Berhormat En Mohd Rawi Bin Abdul Hamid, *op.cit.*

Geopark dan pembukaan serta penjenamaan produk eko-pelancongan baru iaitu *Kilim Karst Geoforest Park*, *Matchincang Cambrian Geoforest Park* dan *Dayang Bunting Marble Geoforest Park*.

Pada tahun 1989, satu persidangan CHOGM ( *Commonwealth Head Of Government Meeting* ) telah di adakan di Langkawi. Hasil persidangan tersebut, satu deklarasi berkenaan dengan alam sekitar dan pembangunan telah diputuskan dan dinamakan sebagai Deklarasi Langkawi. Selepas termeterainya deklarasi tersebut, setiap pembangunan yang dijalankan di Langkawi mestilah mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar.<sup>43</sup> Seterusnya, pada Rancangan Malaysia ke-7 (1996-2000), sebanyak RM369.5 juta telah diperuntukan kepada Langkawi dan jumlah peruntukan tersebut telah bertambah kepada RM420.3 juta pada Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005). Peruntukan yang tinggi tersebut mengambarkan perhatian pihak kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan di pulau berkenaan.<sup>44</sup>

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010), Langkawi telah menerima peruntukan sebanyak RM 274 juta. Peruntukan tersebut disalurkan bagi melaksanakan 3 program pembangunan iaitu pembangunan infrastruktur dan utiliti, pembangunan sosial dan ekonomi, serta pembangunan industri pelancongan.<sup>45</sup> Pelaburan besar kerajaan tersebut telah mendatangkan kejayaan dengan kayu ukur melalui beberapa perspektif

---

<sup>43</sup>Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Ku Abdul Razak, *op.cit*.

<sup>44</sup>Anuar Abd.Rahman & Nik Husni Nik Rashid (2005), *op.cit*, h 3-11.

<sup>45</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), h 39.

seperti peningkatan kemasukan pelancong, pertambahan pekerjaan dalam sektor pelancongan, dan pertambahan guna tanah serta bangunan.<sup>46</sup>

Pada tahun 1996, Lembaga Pembangunan Langkawi LADA telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menubuhkan sebuah pusat penyelidikan untuk menyelidik tentang sumber asli Langkawi dan potensinya dalam pembangunan industri pelancongan Langkawi.<sup>47</sup> Dengan itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar dan strategi eko-pelancongan di Langkawi.<sup>48</sup> Pelancong yang datang ke Langkawi adalah bertujuan untuk bercuti dengan ahli keluarga disamping menghayati keindahan pulau berkenaan.<sup>49</sup> Pelancongan berbentuk hiburan malam hari (*night life*), pelacuran, kelab-kelab malam dan sebagainya tidak diberi penekanan kerana ia boleh mengundang perkara negatif dan memberi kesan yang tidak baik terhadap masyarakat setempat.<sup>50</sup>

Pada 1 Jun 2007, Langkawi telah mendapat pengiktirafan status Geopark daripada United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). Pengiktirafan tersebut merupakan yang pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara serta yang ke 52 di dunia.<sup>51</sup> Geopark merupakan lanjutan idea untuk memulihara sumber warisan geologi (geopemuliharaan) secara berkesan dan lestari di samping pembangunan

---

<sup>46</sup>*Ibid.*

<sup>47</sup> Shafeea Leman (2006), "Alam Semulajadi Sumber Pelancongan Baru Langkawi", Kertas Kerja Pembentangan Dialog Pembangunan Langkawi 2006, Kompleks LADA, 3 April 2006.

<sup>48</sup> Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Ku Abdul Razak, *op.cit.*

<sup>49</sup> Temubual bersama En Zubir bin Ahmad, *op.cit.*

<sup>50</sup> Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Abd Razak, *op.cit.*

<sup>51</sup> Langkawi Development Authority (LADA), Bahagian Geopark, "Discover Langkawi Geopark", Video.

sumber untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat.<sup>52</sup> Pengiktirafan tersebut adalah hasil daripada kajian selama 40 tahun oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai struktur bentuk mukabumi yang berusia ratusan juta tahun dan mempunyai nilai yang tinggi.<sup>53</sup> Strategi kerajaan mendapatkan status Geopark tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan satu penjenamaan atau label baru yang unik daripada tempat peranginan yang lain. Ia juga bertujuan untuk menyaingi Pulau Phuket, Pulau Bali dan pulau-pulau peranginan terkenal yang lain di dunia yang menjadi saingan kepada Langkawi disamping meneruskan dasar eko-pelancongan.<sup>54</sup> Dengan penjenamaan atau label Langkawi Geopark tersebut, ia menjadikan Langkawi sebuah pusat pelancongan yang mempunyai model dan tarikan tersendiri serta tidak mengikuti langkah jirannya iaitu Pulau Phuket yang terkenal dengan hiburan, arak dan pelacuran.<sup>55</sup>

Seterusnya, strategi kerajaan dengan membuka dan membangunkan semula beberapa produk eko pelancong seperti *Kilim Karst Geoforest Park*, *Matchincang Cambrian Geoforest Park* dan *Dayang Bunting Marble Geoforest Park* telah berjaya menarik lebih ramai kemasukan para pelancong yang ingin meneroka dan menghayati keindahan alam semulajadi Langkawi.<sup>56</sup> Pembangunan eko-pelancongan di Langkawi memerlukan penjagaan dan pemuliharaan yang tinggi serta berterusan agar alam semulajadi tersebut

---

<sup>52</sup> Ibrahim Komoo (2010), "Geopark As A Model For Regional Sustainable Development", *Jurnal Akademika 80 (Disember)*, 2010, h 9-18.

<sup>53</sup> Ibrahim Komoo (2003), "Geotaman Langkawi : Konsep Dan Strategi Perlaksanaan" dalam *Warisan Geologi Langkawi*, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h 55.

<sup>54</sup> Temubual bersama En Hapiz Bin Manap, Pengurus Bahagian Geopark LADA pada 8 September 2011 Jam 3.00pm di Bangunan LADA Langkawi.

<sup>55</sup> Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Abd Razak, *op.cit.*.

<sup>56</sup> Temubual bersama En Ikwon bin Mohd Said, Pegawai Penerangan Bahagian Geopark LADA pada 8. Sept 2011 jam 2.30pm di Pejabat Bahagian Geopark, Bangunan LADA Langkawi.

tidak rosak. Peningkatan kedatangan pelancong ke kawasan eko-pelancongan tersebut boleh menjejaskan eko-sistem dan berlakunya pencemaran.<sup>57</sup> Oleh itu, sebuah Jabatan Geopark telah di ditubuhkan oleh pihak LADA bagi membangun, memantau serta memulihara kawasan eko-pelancongan Langkawi daripada tercemar dan mengalami kerosakan.<sup>58</sup>

Di samping itu, dengan strategi pelaksanaan dasar eko-pelancongan juga telah membuka peluang kepada penduduk setempat dalam meningkatkan ekonomi dan taraf hidup masing masing. Para nelayan di sekitar sungai Kilim telah berjaya menjana pendapatan sampingan sebanyak RM100 hingga RM 400 sehari dengan menyediakan perkhidmatan sewa bot laju dan khidmat jurupandu arah untuk membawa para pelancong meneroka kawasan Kilim Karst Geoforest Park.<sup>59</sup> Menurut kajian yang dilakukan oleh Moha Asri Hj Abdullah dan Mohd Isa Hj Bakar<sup>60</sup> mendapati sebanyak 77.4% responden bersetuju penduduk tempatan diberi keutamaan untuk melibatkan diri dalam perniagaan dalam perkembangan industri pelancongan di Langkawi.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Anuar Abd Rahman & Nik Husni Nik Rashid<sup>61</sup> mendapati pembangunan jeti pelancongan di sungai Kilim telah memberi peluang

---

<sup>57</sup> Abdul Latif Mohamad & Norhayati Ahmad (2010), “pemuliharaan dan kepelbagaian Biologi untuk Pembangunan Eko-pelancongan Di Langkawi Geopark”, *Jurnal Akademika 80 (Disember)*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 31-38.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Encik Mohd Rawi Bin Abd Hamid, *op.cit.*

<sup>60</sup> Moha Asri Hj Abdullah & Mohd Isa Hj Bakar (1999), “Pembangunan Pelancongan Langkawi : Persepsi Penduduk Terhadap Dampak Sosial”, Prosiding Persidangan Kebangsaan Penilaian Dampak Sosial, Jabatan Antropoligi dan Sosiologi Universiti Malaya-Pertubuhan Perancang Malaysia, Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi, Kuala Lumpur, 29-30 Jun 1999, h 16-25.

<sup>61</sup> Anuar Abd.Rahman & Nik Husni Nik Rashid (2005), *op.cit.*, h 3-11.

pekerjaan kepada sekurang-kurangnya 100 orang penduduk tempatan terutamanya dalam bidang perniagaan runcit, restoran, pengusaha dan pemandu bot pelancong serta pengusaha ternakan ikan dalam sangkar. Penjenamaan Langkawi Geopark dan pembukaan *Kilim Karst Geoforest Park* telah menjana pendapatan nelayan disekitar kawasan tersebut dengan melahirkan 15 pengusaha dan pemandu bot pelancong dengan pemilikan bot dari dua buah kepada lapan buah setiap seorang. Anggaran pendapatan pengusaha bot sehari adalah antara RM300.00 hingga RM1200.00 dengan andaian satu bot hanya satu trip sehari.<sup>62</sup>

Selain itu, strategi kerajaan dengan memberi penekanan dan galakkan kepada masyarakat tempatan dalam membangunkan produk-produk eko-pelancongan. Antaranya seperti perusahaan ikan bilis, perusahaan gamat dan perusahaan produk makanan yang berasaskan makanan laut di Kampung Nelayan Kuala Teriang.<sup>63</sup> Satu pakej eko-pelancongan telah diperkenalkan dengan membawa pelancong asing melawat taman buah-buahan tempatan di Taman Buah (Pusat penyelidikan Mardi) Ulu Melaka, melawat ladang penternakan kerbau, dan melawat perusahaan *jelly* dan nira kelapa.<sup>64</sup> Pakej tersebut membolehkan para pelancong menyelami dan mendekati budaya masyarakat tempatan disamping menghayati keindahan alam semulajadi Langkawi.

---

<sup>62</sup> *Ibid.*, h 10.

<sup>63</sup> Temubual bersama En Hapiz Bin Manap, *op.cit.*

<sup>64</sup> Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Ku Abdul Razak, *op.cit.*

#### 4.3.4 Dasar Dan Strategi Sukan Acara

Kerajaan telah berusaha untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke Langkawi secara berterusan setiap tahun dengan memperkenalkan dasar sukan dan acara di Langkawi.<sup>65</sup> Kerajaan telah mengambil beberapa strategi dengan melaksanakan pelbagai program berbentuk acara, sukan, pameran serta pertandingan seperti Le Tour D Langkawi (LTDL), Langkawi International Maritime Air Exhibition (LIMA), Royal Langkawi International Reggata, Langkawi International Golf Festival, Langkawi International Fishing Tournament (LIFT) Sauk Sotong, Junior Tennis International Championship dan pelbagai lagi di Langkawi. Acara-acara tersebut diadakan secara berkala setiap tahun bagi menarik pelbagai lapisan pelancong untuk berkunjung ke pusat peranganin tersebut.<sup>66</sup>

Kerajaan membangunkan Kompleks Sukan Langkawi yang mempunyai kemudahan dan prasarana sukan yang lengkap. Ia merangkumi stadium bola sepak, gelangang skuasy, tenis, boling padang, gelangang futsal serta gelangang bola jaring dan bola tampar.<sup>67</sup> Dengan kemudahan yang lengkap tersebut, ia telah memberi kelebihan kepada Langkawi untuk menjadi tuan rumah bagi pertandingan sukan peringkat antarabangsa. Ketika Malaysia menjadi tuan rumah kepada acara Sukan Komanwel 1998, Langkawi

---

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *Laporan Tahunan 2009*, h 60.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h 24.



telah dijadikan tempat untuk acara sukan menembak kerana mempunyai kemudahan lapangan sasar bertaraf dunia.<sup>68</sup>

Penganjuran pelbagai jenis sukan, pertandingan dan acara diperingkat antarabangsa tersebut adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke Langkawi. Para peserta dan para petugas dari seluruh dunia berkunjung ke Langkawi dan secara tidak langsung menjadi pelancong di pulau peranginan tersebut.<sup>69</sup> Ia sekaligus dapat menjana pendapatan negara melalui pertukaran matawang asing.<sup>70</sup> Disamping itu, penganjuran tersebut juga dapat mempromosikan Langkawi secara tidak langsung ke mata dunia melalui liputan berita oleh wartawan negara asing yang bertugas.<sup>71</sup>

#### **4.3.5 Dasar dan Strategi Malaysia Rumah Keduaku (*Malaysia My Second Home*)**

Pelaksanaan Dasar program *Malaysia My Second Home* (MM2H) atau Malaysia Rumah Keduaku oleh Kerajaan Persekutuan, pelaksanaannya turut dijalankan di pusat peranginan tersebut. Program tersebut bertujuan untuk mengalakkan warga asing yang memenuhi syarat-syarat tertentu untuk menetap di Malaysia melalui Pas Lawatan Sosial atau *multiple-entry social visit pass*.<sup>72</sup> Bagi mengalakkan pelancong asing menyertai program ini, kerajaan telah memberi kemudahan pas lawatan sosial selama 10 tahun dan

---

<sup>68</sup>Temubual bersama En Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak, *op.cit.*

<sup>69</sup>*Ibid.*

<sup>70</sup>Unit Perancang Ekonomi (1991), *Rancangan Malaysia Ke-Enam 1991-1995*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h 168.

<sup>71</sup> Temubual bersama En Norazman Yussuf, Penolong Pengurus Bahagian Promosi, Lembaga Pembangunan Langkawi pada 13 Oktober 2011 di bangunan LADA..

<sup>72</sup>Malaysia My Second Home Programme, <http://www.mm2h.gov.my>, akses pada 27 Febuari 2012.

ia boleh diperbaharui dan dilanjutkan tempoh.<sup>73</sup> Sejak tahun 2002 sehingga bulan Mac 2012, sebanyak 18,090 orang pelancong asing telah diluluskan kerajaan untuk menyertai program ini.<sup>74</sup> Selain itu juga, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif seperti pengurangan cukai kenderaan bagi membolehkan para pelancong asing yang menyertai program ini membawa masuk kenderaan milik mereka dari negara asal ke Malaysia.<sup>75</sup>

**Jadual 4.5 : Jumlah pelancong asing menyertai program MM2H dari tahun 2002 hingga tahun 2012**

Tahun	Jumlah Peserta
2002	818
2003	1,645
2004	1,917
2005	2,615
2006	1,729
2007	1,503
2008	1,512
2009	1,579
2010	1,499
2011	2,387
2012 (Mac)	887

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> Malaysia My Second Home Programme, <http://www.mm2h.gov.my/statistic.php> akses pada 7 Ogos 2012.

<sup>75</sup> Kementerian kewangan Malaysia, [http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1778:malaysia-rumah-kedua-ku-permohonan-pengecualian-cukai-bagi-kereta&catid=84:catprosedur-pengecualiangaris-panduan&Itemid=197&lang=en](http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=1778:malaysia-rumah-kedua-ku-permohonan-pengecualian-cukai-bagi-kereta&catid=84:catprosedur-pengecualiangaris-panduan&Itemid=197&lang=en), akses pada 27 Februari 2012.

Jumlah 18,090

---

Sumber : Malaysia My Second Home<sup>76</sup>

Keadaan bentuk muka bumi dan keramahan penduduk tempatan menyebabkan ramai warga asing memilih Langkawi untuk menyertai program tersebut. Penyertaan pelancong asing yang kaya serta mampu tinggal dalam tempoh waktu yang lama akan meningkat kuasa beli di pasaran sekaligus menjana pendapatan dan ekonomi negara.<sup>77</sup>

Namun, apa yang berlaku di Langkawi ialah para pelancong tersebut telah membeli tanah milik penduduk tempatan untuk membina rumah kediaman dan tinggal bersama-sama penduduk tempatan.<sup>78</sup> Kebanyakan tanah penduduk di Langkawi merupakan tanah rezab melayu dan tidak boleh dijual kepada bangsa asing. Mereka telah membeli tanah tersebut dengan menggunakan penama orang Melayu bumiputera untuk diletakkan diatas geran tanah dan dokumen rasmi yang lain.<sup>79</sup> Peningkatan bilangan pelancong asing yang membeli tanah dan menetap di Langkawi boleh menyebabkan penduduk tempatan hilang pemilikan ke atas tanah mereka. Walaupun penama geran tanah tersebut adalah milik orang tempatan, tetapi pelancong asing tersebut telah membeli tanah tersebut dengan harga yang telah dipersetujui bersama tuan tanah. Secara hakikatnya, tanah tersebut telah menjadi hak milik warga asing tersebut.

---

<sup>76</sup> Malaysia My Second Home, <http://www.mm2h.gov.my/statistic.php> akses pada 8 Ogos 2012.

<sup>77</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, *op.cit.*

<sup>78</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Ir Hj Nawawi Bin Hj Ahmad, Adun Kuah, pada 15.9.2011 di Pejabat Umno Langkawi.

<sup>79</sup> *Ibid.*

#### 4.3.6 Dasar Dan Strategi Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi (*Blue Print Langkawi*)

**Jadual 4.6 : Dasar dan Strategi Pembangunan Pelancongan Baru langkawi**

Dasar	Strategi	
Dasar Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi	Tema Produk	1-Geopark Ikon 2-Cenang Berwajah Baru 3-Muzium Hidup 4-Penginapan mewah 5-barat laut yang meriah 6-MICE Bitara 7-Program Pengiktirafan
	Tema Infrastruktur	1-jaringan Pengangkutan 2-Mobiliti 3-Kesihatan dan Sanitasi 4-titik sentuh sasaran
	Tema Pembolehdaya	1-Penjenamaan dan Pemasaran 2-Akademi Pelancongan 3-Pertanian dan Perikanan

Sumber : Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011)

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 pula, kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM420 juta untuk pembangunan industri pelancongan di Langkawi.<sup>80</sup> Kerajaan Persekutuan telah mengariskan beberapa strategi baru bagi meningkatkan daya saing Langkawi dalam sektor pelancongan. Pada 8 Disember 2011, Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak telah melancar Dasar Pembangunan

<sup>80</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, h 30.

Pelancongan Baru Langkawi atau (*Blue Print*) Pelancongan Langkawi 2011-2015. Dasar dan strategi berkenaan menekankan 14 strategi utama meliputi 3 tema iaitu produk, infrastruktur dan pembolehdaya.<sup>81</sup> Dasar dan Strategi Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi menumpukan kepada pembangunan beberapa produk pelancongan baru. Perkara tersebut telah diperincikan dalam tema pertama iaitu pembangunan produk yang mengandungi 7 strategi iaitu :

#### **4.3.6.1 Tema Produk :**

1. Ikon Geopark : Memperkasakan ikon Geopark dan produk eko-pelancongan Matchincang, Kilim dan Dayang Bunting agar terkenal di peringkat antarabangsa serta menjadi destinasi wajib bagi para pelancong.<sup>82</sup> Pulau Singa yang terletak dalam kawasan Dayang Bunting Marble Geoforest Park akan dibangunkan untuk produk pelancongan hidupan liar.<sup>83</sup>
2. Cenang Berwajah baru : Menjadikan Pantai Cenang pantai tumpuan pilihan pelancong dengan menawarkan pelbagai aktiviti yang menarik seperti sukan air, hiburan, restoran dan juga pusat membelah belah.<sup>84</sup>
3. Muzium Hidup : Sebuah muzium hidup akan dibangunkan dengan menaiktarafkan kota Mahsuri sedia ada dan Kompleks Laman Padi. Ia bertujuan

---

<sup>81</sup>*Ibid.*, h 30.

<sup>82</sup>*Ibid.*, h 36.

<sup>83</sup>Temubual bersama En Ku Jamaludin Bin Abdul Razak, *op.cit.*

<sup>84</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 38.

bagi memaparkan sejarah silam Langkawi yang kaya dengan budaya tersendiri dan kisah-kisah lagenda.<sup>85</sup>

4. Penginapan Mewah : Beberapa penginapan atau hotel mewah bertaraf 5, 6, dan 7 bintang akan di bina dalam usaha menarik lebih ramai pelancong yang mewah atau kaya bercuti di Langkawi.<sup>86</sup> Pelancong yang kaya berupaya untuk tinggal lebih lama di Langkawi dan akan berbelanja lebih mewah di pusat membeli belah, restoran-restoran mewah, bermain Golf dan melakukan aktiviti-aktiviti lain. Ia secara tidak langsung mampu menjana pertumbuhan ekonomi dengan baik dan meningkatkan pendapatan Negara.<sup>87</sup>
5. Barat Laut Yang Meriah : Kawasan barat laut Langkawi akan di bangunkan sebagai zon kormesil baru yang memberi tumpuan kepada segmen pelancongan mewah. Ia melibatkan pembinaan pusat kormesil untuk membeli belah, restoran, dan kawasan hiburan yang baru.<sup>88</sup>

Bagi merealisasikan strategi ke-4 dan 5, promosi dan kempen melawat Langkawi dijalankan keatas golongan pelancong yang kaya dan berpendapatan tinggi di negara-negara Scandinavia seperti Finland, Sweden, Denmark, Norway, Rusia dan lain-lain.<sup>89</sup> Teluk Datai atau kawasan barat laut tersebut akan dibangunkan menjadi pusat peranginan utama bagi pelancongan mewah.<sup>90</sup>

---

<sup>85</sup>*Ibid.*, h 40.

<sup>86</sup>*Ibid.*, h 42.

<sup>87</sup>Temubual bersama En Norazman Yussuf, *op.cit.*

<sup>88</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 42.

<sup>89</sup>Temubual bersama En Norazman Yussuf, *op.cit.*

<sup>90</sup>Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib, *op.cit.*

6. MICE Bitara : menjadikan Langkawi sebagai sebuah destinasi MICE (Meetings, Incentives, Conferencing and Exhibitions) yang unggul berteraskan nilai alam semulajadi dan eko-pelancongan. Langkawi akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat, insentif dan acara-acara bertaraf dunia bagi menarik lebih kemasukan ramai pelancong.<sup>91</sup>

Bagi menambah kemudahan sedia ada MICE tersebut, Menara Langkawi akan di bina di pusat Bandar Kuah langkawi akan dijadikan ikon baru kepada pulau berkenaan di samping penyediaan tempat untuk berlangsungnya acara MICE diperingkat tempatan dan juga antarabangsa.<sup>92</sup>

7. Program pengiktirafan : program pengiktirafan di jalankan adalah untuk mewujudkan piawaian kualiti bagi semua produk pelancongan yang dinyatakan di atas.<sup>93</sup>

#### **4.3.6.2 Tema Infrastruktur :**

Seterusnya, dalam tema yang ke-2 pula, kerajaan telah memberikan penumpuan terhadap pembangunan dan kemudahan infrastruktur. Ia mengandungi 4 strategi iaitu jaringan pengangkutan, mobiliti darat, titik sentuh dan sasaran, kesihatan dan sanitasi.<sup>94</sup>

---

<sup>91</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 44.

<sup>92</sup>Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib, *op.cit.*

<sup>93</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 34.

<sup>94</sup>*Ibid.*, h 32.

1. Jaringan Pengangkutan : Ia bertujuan untuk memperbaiki jaringan pengangkutan terus ke Langkawi dari destinasi-destinasi utama antarabangsa melalui penerbangan sewa khas disamping meningkatkan jaringan pengangkutan feri dengan lebih baik. Peningkatan penerbangan sewa khas dari Hong Kong, Finland dan lain-lain ketika musim cuti utama Negara masing-masing akan meningkatkan lagi jumlah kemasukkan pelancong ke Langkawi.<sup>95</sup>
2. Mobiliti Darat : Ia bertujuan untuk meningkatkan pilihan pengangkutan darat bagi memudahkan pergerakan pelancong ke destinasi pilihan dengan harga dan bayaran yang berpatutan. Kemudahan teksi dan kereta sewa akan dikaji dan diselaraskan semula tambang atau harga perkhidmatan disamping mewujudkan perkhidmatan bas perantara untuk kemudahan pelancong.<sup>96</sup>
3. Kesihatan dan Sanitasi : Memastikan kebersihan tempat awam, pusat tumpuan pelancong, dan tandas awam bagi meningkat imej dan memberikan perspeksi serta pengalaman yang baik kepada pelancong.<sup>97</sup>
4. Titik Sentuh Pasaran : Ia bertujuan untuk meningkatkan tanggapan pertama pelancong apabila tiba di Langkawi melalui beberapa intervensi terpilih terhadap kemudahan fizikal dan tahap perkhidmatan. Ia melibatkan penambahbaikan infrastruktur di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan

---

<sup>95</sup>*Ibid.*, h 50.

<sup>96</sup>*Ibid.*, h 52.

<sup>97</sup>*Ibid.*, h 54.



terminal Jeti Feri Kuah bagi memberikan tanggapan yang baik kepada pelancong apabila pertama kali menjejaki pulau berkenaan.<sup>98</sup>

#### **4.3.6.3 Tema Pembolehdayaan :**

Seterusnya, tema yang ketiga iaitu pembolehdaya pula bertujuan untuk menyokong pertumbuhan sektor pelancongan Langkawi termasuk memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi masyarakat tempatan. Ia mengandungi 3 strategi iaitu penjenamaan dan pemasaran, akademi pelancongan dan pertanian dan perikanan.<sup>99</sup>

1. Penjenamaan dan Pemasaran : Ia bertujuan untuk merangka strategi baru untuk penjenamaan dan pemasaran Langkawi bagi menarik pelancong daripada segmen dan pasaran keutamaan. Peningkatan promosi dan penjenamaan Langkawi di Negara-negara mempunyai penduduk yang tinggi seperti China, India, timur tengah dan pasaran Negara terdekat iaitu Singapura dan Indonesia. Ia bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong asing daripada pasaran baru dating berkunjung ke Langkawi.<sup>100</sup>
2. Akademi Pelancongan : Ia ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri bagi menampung kekurangan bakat di Langkawi dalam bidang pelancongan.<sup>101</sup>

---

<sup>98</sup>*Ibid.*, h 56.

<sup>99</sup>*Ibid.*, h 58.

<sup>100</sup>*Ibid.*, h 60.

<sup>101</sup>*Ibid.*, h 62.

3. Pertanian dan Perikanan : Pada asalnya, ekonomi utama penduduk Langkawi berasaskan pertanian dan juga perikanan. Apabila pulau berkenaan di bangunkan sebagai pulau pelancongan, aktiviti tradisional tersebut masih diteruskan oleh sebahagian penduduk tempatan. Walaubagaimanapun, purata pendapatan diperolehi daripada aktiviti tersebut masih rendah. Oleh itu, melalui inisiatif ini, kerajaan berusaha untuk meningkatkan pendapatan golongan tersebut dengan melibatkan diri dengan aktiviti pelancongan.<sup>102</sup>

Nelayan-nelayan di kawasan sungai Kilim bahagian utara Langkawi sebelum ini hanya melakukan aktiviti penangkapan ikan di laut sahaja. Mereka berjaya meningkatkan pendapatan bulanan dengan melibatkan diri dalam kegiatan perkhidmatan bot laju dan pemandu pelancong untuk membawa pelancong menghayati keindahan Kilim Karst Geoforest Park.<sup>103</sup>

Bagi memastikan Dasar dan Strategi Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi yang keseluruhannya mengandungi 14 strategi sepertimana dibincangkan diatas dapat dilaksanakan. Setiap strategi tersebut telah ditetapkan peneraju masing-masing yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), MPLBP, Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kedah (UPEN Kedah), *Tourism Malaysia* dan Kementerian Pelancongan Malaysia.<sup>104</sup>

---

<sup>102</sup>*Ibid.*, h 64.

<sup>103</sup>Temubual bersama Yang Berhormat Encik Mohd Rawi Bin Abd Hamid, *op.cit.*

<sup>104</sup>Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 78.

Kerjasama daripada pelbagai agensi dan pihak swasta serta pemantauan dan penguatkuasaan yang kuat amat diperlukan bagi menjayakan setiap inisiatif yang telah dirancang tersebut. Pelaksanaan 14 strategi tersebut bertujuan untuk merealisasikan wawasan Langkawi menjadi antara 10 pulau dan destinasi eko-pelancongan terbaik di dunia pada tahun 2015.<sup>105</sup>

#### **4.4 KESIMPULAN**

Industri pelancongan Langkawi dilihat semakin berkembang dengan peningkatan ketibaan pelancong, pembangunan infrastruktur, dan pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor berkenaan. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang tinggi dan membuat pelbagai pelaburan dalam merancang pembangunan pelancongan Langkawi. Secara keseluruhannya, dasar dan strategi pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan tersebut adalah bertujuan untuk membangunkan lagi industri pelancongan di Langkawi. Dalam merealisasikan wawasan Langkawi menjadi antara destinasi terbaik di dunia, kerajaan dan pihak yang terbabit perlu mempelbagaikan usaha, perancangan, dasar serta strategi yang lebih dinamik untuk dilaksanakan di pusat perangan tersebut. Ia penting bagi memastikan Langkawi dapat terus bersaing dalam industri ini di peringkat dunia.

---

<sup>105</sup>*Ibid.*, h 22.